

PM: Enggan akur larangan ceramah cuma strategi Pas

UM 4 AUG 2001

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keengganan Pas akur kepada larangan ceramah terbuka adalah satu strategi politik parti itu supaya ahlinya ditangkap.

Menurut Perdana Menteri, setelah ditangkap mereka akan menuduh kononnya Malaysia tidak demokratik dan merupakan negara polis.

Katanya, sungguhpun ada kebebasan bersuara di negara ini, ia ada hadnya dan politik keterlaluan Pas tidak boleh dibiarkan sehingga menjejaskan kestabilan negara.

“Justeru, langkah menghentikan ceramah terbuka telah diambil,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas pendirian Pas yang bertekad meneruskan pengajuran siri ceramah politik di seluruh negara walaupun larangan mengenai telah dikuatkuasakan.

Larangan mengadakan ceramah politik dikeluarkan menerusi pekeliling Ibu Pejabat Polis Bukit Aman baru-baru ini dengan memperketatkan syarat kelulusan permit itu.

Menurut Perdana Menteri, politik keterlaluan ini bukan bertujuan untuk membangunkan negara sebaliknya bertujuan meruntuhkan, iaitu menimbulkan kebencian kepada kerajaan supaya dia (Pas) dapat sokongan untuk berkuasa.

Dr. Mahathir berkata, di negara lain seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman, parti-parti politik

akan menghentikan kempen secara sukarela selepas habis musim pilihan raya.

“Saya telah terangkan semalam, di negara-negara demokratik yang lain, selepas pilihan raya segala kegiatan kempen dihentikan, tetapi di Malaysia, Pas selepas pilihan raya akan terus berkempen sampai pilihan raya akan datang dan kalau kita baca *Harakah*, setiap hari ada 100 tempat ceramah di seluruh negara dengan isi yang sama (iaitu) maki kerajaan, lempar fitnah.

“Jadi negara kita tidak akan tenang kerana kegiatan politik yang keterlaluan,” tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, jika Pas menjalankan kempen dengan betul, kerajaan mungkin tidak begitu memedulikannya tetapi kempen mereka

kebanyakannya bertumpu kepada perkara yang menimbulkan kebencian.

“Walaupun Pas kata dia tak kata masuk Pas boleh masuk syurga tetapi orang dia masih lagi bercakap tentang kerajaan tak Islam dan sebagainya. Ini menyebabkan ramai orang tak boleh buat kerja dan belajar kerana mereka terlalu diapi-apikan dengan kebencian seperti ini,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah menyatakan kesediaan untuk memisahkan politik dari pelajaran tetapi Pas bukan sahaja menyelina masuk ke sekolah dan universiti malah tadika juga untuk berkempen.

“Habis semuanya, sampai bekerja pun masih lagi berpolitik,” ujarinya.